

BAB KEEMPAT

ANALISIS DATA

4.0 Pengenalan

Di dalam usaha untuk memperincikan kemahiran tilawah al-Qur'an al-Karim, penyelidikan telah dibuat bagi mendapatkan satu analisis data berkenaan permasalahan yang dihadapi oleh saudara baru dalam penyebutan huruf al-Qur'an al-Karim. Satu ujian yang mengandungi beberapa item soalan telah dijalankan. Sebahagian item soalan ini menguji minda pelajar berdasarkan latar belakang mereka, manakala sebahagian lagi menguji keupayaan menjana perihal hukum-hukum tajwid dan sebutan serta selok belok huruf-huruf dalam pembacaan al-Qur'an al-Karim.

Seperti yang dinyatakan, dalam bab ini akan dibentangkan hasil dapatan kajian melalui analisis data yang telah dijalankan iaitu analisis soal selidik, analisis temu bual, analisis pemerhatian dan pemantauan dan analisis ujian. Dalam analisis ujian akan dinyatakan dapatan hasil analisis ujian tahap 1 iaitu berkaitan penyebutan huruf, dapatan hasil analisis ujian tahap 2 iaitu berkaitan mengingat dan menyebut hukum-hukum tajwid dan dapatan hasil analisis ujian tahap 3 iaitu fasahah.

4.1 Analisis Soal Selidik

Bab ini mengandungi analisis data yang membandingkan kesan masalah yang dihadapi oleh responden dalam penyebutan huruf al-Qur'an al-Karim. Bagi melihat kesan tersebut serta mendapatkan data yang sebenar, analisis data SPSS versi 11.5 telah

digunakan. Analisis pemerhatian juga diperolehi melalui beberapa ujian dan soal selidik yang telah dijalankan di kelas-kelas pengajian PERKIM. Pemerrosesan data dibuat sebagai maklum balas terhadap soalan-solan kajian yang telah disebut terdahulu. Berikut ialah beberapa persoalan kajian yang ditimbulkan:

- a) Mengenal pasti huruf-huruf yang sukar disebut.
- b) Mengenal masalah dan kesukaran penyebutan huruf-huruf dan puncanya.
- c) Pendekatan P&P yang digunakan serta keberkesanannya.
- d) Faktor pendidikan ibu bapa dan pendapatan keluarga serta pengaruhnya.
- e) Faktor latar belakang pendidikan membaca al-Qur'an al-Karim dan kebolehan membaca tulisan Jawi.
- f) Rumusan analisis data dan pemantauan.

Bagi memenuhi tuntutan kajian, penulis akan menghuraikan dengan lebih lanjut analisis data mengikut bahagian-bahagiannya.

a) Huruf Yang Sukar Disebut

Analisis data dalam bahagian ini menjawab persoalan kajian (a), iaitu apakah huruf yang sukar disebut oleh kebanyakan saudara baru dari pelbagai bangsa iaitu seperti di jadual 4.1 dan 4.2.

Memandangkan kelas pengajian seramai 30 orang sahaja terdiri dari pelbagai bangsa iaitu 14 orang berbangsa Cina, 2 orang berbangsa India, 3 orang berbangsa Kemboja dan 11 orang lagi dari lain-lain bangsa, maka penulis lebih memfokuskan

kepada bangsa Cina kerana majoriti di dalam kelas lebih ramai bilangan bangsa Cina. Analisis data juga lebih tertumpu kepada bangsa Cina dan penulis akan membawa beberapa contoh dari bangsa lain.

Jadual 4.1: Sebutan Huruf-huruf Tunggal

Bilangan	Bangsa	Huruf –huruf Sukar
1	Cina	ح خ ص ض ظ ع غ
2	India	ح خ ص ض ع غ
3	Kemboja	ذ ر ز ص ض ط ظ ع غ ق خ
4	Lain-lain	ذ ر ز ص ض ط ظ ع غ ق

Jadual 4.1 menunjukkan saudara baru berbangsa Cina tidak dapat menyebut huruf ḥa:’ (ح), kha:’ (خ), ṣa:d (ص), ḍa:d (ض), za:’ (ظ), ‘ayn (ع) dan ghayn (غ). Analisis data mendapati masih ramai responden yang tidak boleh menyebut huruf-huruf sukar seperti yang ditunjukkan dalam jadual di atas.

Saudara baru tidak dapat menyebut huruf dengan makhraj yang betul walaupun sifat-sifat huruf disebut betul. Contoh huruf ḥa:’ (ح), kha:’ (خ) berada pada makhraj rongga tekak di mana memerlukan sebutan yang mendalam dan memerlukan kepada tekanan udara yang kuat.

Mereka tidak mampu menyebut dengan sempurna memandangkan dalam bahasa ibunda mereka tidak terdapat huruf-huruf seperti ini. Setelah dibuat kajian, didapati kebanyakan sebutan bunyi dalam bahasa mereka berada di pangkal tekak sahaja. Oleh

itu terdapat sedikit kesukaran apabila mereka menuturkan huruf-huruf al-Qur'an al-Karim.

Berlainan pula dengan bangsa India, mereka dapat menyebut hampir kesemua huruf al-Qur'an al-Karim walaupun tidak sempurna kecuali huruf ح خ ص ض ع غ. Contoh huruf kha:’ (خ) berada di rongga tekak dan menjadi satu kesukaran untuk disebut. Mereka hanya mampu menyebut sekadar bunyi huruf ka:f (ك) ketika berbaris fathah.

Jika dilihat pada kata qul (قُلْ) dalam surah al-Ikhla:s (الإِخْلَاصُ), saudara baru berbangsa India menyebut huruf qa:f (ق) dengan bunyi huruf ka:f (ك) iaitu qul (قُلْ) disebut menjadi kul (كُْلْ). Begitu juga dengan kata khalaq (خَلَقَ) dalam surah al-Falaq (الْفَلَقِ) disebut menjadi kalak (كَلَّكْ). Sesetengah huruf al-Qur'an al-Karim dianggap huruf baru yang tiada persamaan dalam bahasa ibunda mereka. Pengaruh bahasa ibunda menyukarkan mereka untuk membentuk lidah dalam bahasa kedua.

Manakala saudara baru berbangsa Kemboja pula, mereka juga sukar menyebut huruf-huruf ذ ر ز ص ض ط ظ ع غ ق خ. Seperti saudara baru berbangsa Cina, bangsa Kemboja turut mengalami masalah ketika menutur huruf-huruf tersebut. Makhraj sebutan tidak menepati makhraj sebenar. Hal ini demikian adalah berpunca dari gangguan bahasa ibunda. Lain-lain bangsa tidak dapat menyebut huruf ذ ر ز ص ض ط ظ ع غ ق . Berikut ialah jadual 4.2 iaitu data penyebutan huruf-huruf tunggal berbaris fathah yang sukar di sebut oleh saudara baru.

Jadual 4.2 : Sebutan Huruf-huruf Tunggal Berbaris Fathah

Bilangan	Bangsa	Huruf –huruf Sukar
1	Cina	حَ خَ رَ عَ غَ قَ
2	India	حَ خَ عَ غَ قَ
3	Kemboja	عَ غَ قَ خَ
4	Lain-lain	ضَ ظَ عَ غَ قَ

Jadual 4.2 menunjukkan analisis huruf hijaiyyah berbaris fathah mengikut bangsa. Penulis membandingkan huruf hijaiyyah tunggal dan huruf hijaiyyah berbaris fathah kerana terdapat beberapa huruf tunggal yang tiada perubahan bunyi apabila berbaris fathah. Antara huruf-huruf tersebut seperti huruf ra:' (رَ), ha:' (حَ), kha:' (خَ) dan beberapa huruf lain lagi.

Bagi sebutan huruf hijaiyyah berbaris fathah dalam jadual 4.2, terdapat pelajar yang dapat menyebut hampir kesemua huruf al-Qur'an al-Karim dalam kategori sederhana (tidak sempurna). Demikianlah analisis kita dapat lihat saudara baru yang berbangsa Cina tidak dapat menyebut huruf (حَ خَ رَ عَ غَ قَ), saudara baru berbangsa India tidak dapat menyebut huruf (حَ خَ عَ غَ قَ) dan saudara baru berbangsa Kemboja pula tidak dapat menyebut huruf (ضَ ظَ عَ غَ قَ).

Berlainan pula dengan lain-lain bangsa, mereka dapat menyebut hampir kesemua huruf dengan betul kecuali huruf ضَ ظَ عَ غَ قَ yang berbaris fathah. Keadaan ini mungkin disebabkan mereka mempunyai latar belakang pendidikan. Lima orang pelajar dari pelbagai bangsa tidak memberi jawapan. Penulis menganggap mereka tidak

mampu menyebut huruf berdasarkan pemantauan dan ujian yang telah dijalankan di kelas-kelas.

Namun begitu, bukanlah semua dalam kalangan saudara baru yang tidak dapat menyebut huruf-huruf ini, malahan ada antara mereka yang dapat menyebutnya walaupun berdepan dengan masalah penyebutan. Perkara ini telah pun dinyatakan dalam bab ketiga bagaimana ada antara mereka dapat menyebut huruf dengan sifat huruf yang betul tetapi tidak dapat menyebut dengan betul makhraj huruf dan begitu sebaliknya berlaku.

Setelah dibuat kajian, penulis mendapati hasil dapatan kajian hampir menepati pendapat sesetengah pengkaji dalam bidang fonetik Arab yang menyatakan bahawa huruf-huruf sukar disebut oleh orang selain Arab adalah seperti contoh huruf ‘ayn (ع) dan ha:’ (ح), huruf kha:’ (خ) dan ghayn (غ).

Perbezaan yang amat ketara dapat dilihat daripada hasil kajian yang telah dijalankan. Walaupun bilangan pelajar dalam kuantiti yang sedikit, namun penulis mementingkan kualiti kerana dari sini kita dapat mengesan di mana kelemahan dan punca sebenar masalah yang dihadapi oleh saudara baru.

Kesimpulannya, dapat dinyatakan bahawa kebanyakan huruf yang sukar disebut oleh saudara baru adalah huruf-huruf yang berada pada makhraj rongga tekak. Jelas menunjukkan semua bangsa menghadapi kesukaran ketika menyebut huruf-huruf ini. Hal ini membuktikan bahawa sesetengah huruf al-Qur’an al-Karim tidak terdapat dalam bahasa mereka terutama huruf-huruf halqi iaitu ع خ ح غ .

b) Permasalahan Dan Kesukaran Penyebutan Huruf al-Qur'an al-Karim

Terdapat beberapa permasalahan yang dihadapi oleh saudara baru ketika menyebut huruf-huruf al-Qur'an al-Karim. Antara permasalahan tersebut yaitu seperti berikut :

1- Menggabungkan huruf dengan huruf.

Saudara baru menghadapi masalah dan kesukaran penyebutan huruf al-Qur'an al-Karim sehingga mereka menggabungkan huruf dengan huruf. Mereka ini terdiri daripada 2 orang berbangsa Cina dan seorang daripada lain-lain bangsa.

Contoh mencampurkan huruf *za:'* (ظ) dengan *za:y* (ز). Huruf *za:y* (ز) disebut “ *zoi* ”, responden beranggapan bahawa makhraj huruf *za:y* (ز) sama dengan makhraj huruf *za:'* (ظ) iaitu hujung lidah yang ditekankan pada belakang gigi gunting bawah, di antara bahagian depan lidah dan langit-langit keras, keluar huruf *za:y* (ز) sedangkan huruf *za:'* (ظ) kedudukannya di hujung lidah yang terletak di antara hujung gigi gunting bawah, di mana tekanan hujung lidah pada hujung gigi gunting atas.

2- Menukar sebutan huruf berbaris dengan huruf lain.

Selain menggabungkan huruf dengan huruf mereka juga menukar sebutan huruf berbaris dengan huruf lain. Contoh saudara baru menyebut huruf *fa:'* (ف) menjadi

ba:’ (ب) ialah 4 orang berangsa Cina, seorang Kemboja dan 4 orang daripada lain-lain bangsa.

Perkataan (فَعَلَ) dibaca (بَعَلَ). Di sini berlaku pertukaran huruf adalah kerana saudara baru merasakan makhraj huruf *fa:’* (ف) seperti makhraj huruf *ba:’* (ب), iaitu dua bibir dirapatkan secara ringan dan kedua-dua huruf tersebut berada di lingkungan bibir mulut. Contoh-contoh lain dapat dilihat seperti dalam jadual 4.3 dan 4.4 di bawah :

Jadual 4.3 : Sebutan Responden

Huruf al-Qur’an al-Karim	Bunyinya	Sebutan Responden	Bunyinya
سَ	sa	ثَ	tha
طَ	ṭa	تَ	ta
قَ	qa	كَ	ka
زَ	za	ذَ	dha
ضَ	ḍa	دَ	da
حَ	ḥa	هَ	ha

Jadual 4.4 : Sebutan Responden

Huruf	Disebut	Perkataan	Maksud	Disebut
عَ	ءَ	سَعَالٌ	Batuk	سُؤَالٌ
قَ	كَ	قَمَرٌ	Bulan	كَمَرٌ
عَ	أَ	عَمَلٌ	Pekerjaan	أَمَلٌ
ذَ	زَ	ذَكِيٌّ	Cerdik	زَكِيٌّ

3- Menyebut nama huruf dengan pelbagai sebutan.

Apabila dilihat kepada hasil yang diperolehi semasa temubual dilakukan, didapati ada di antara responden yang menyebut huruf al-Qur'an al-Karim dengan pelbagai sebutan. Kumpulan ini tidak dapat menyebut dengan tepat bunyi huruf sebaliknya sebutan mereka berlainan. Apa yang hendak penulis gambarkan kesukaran mereka menyebut huruf jelas terbukti seperti dalam jadual 4.5.

Jadual 4.5 : Pelbagai Sebutan Responden

Huruf al-Qur'an al-Karim	Sebutan Responden	Bangsa
ن	no:n	Cina
م	me:	Kemboja
ق	go:f	Lain-lain bangsa
ح	a:h	Kemboja
ض	zot	India
ج	jin	India
ز	zal	Kemboja
س	sim	Cina

Contoh dalam jadual di atas menunjukkan 2 orang saudara baru berbangsa Cina menyebut huruf nu:n (ن) menjadi no:n dan huruf si:n (س) menjadi sim. Manakala 3 orang berbangsa Kemboja menyebut huruf mi:m (م) menjadi me:, huruf ḥa:ʾ (ح) menjadi a:h dan huruf zay (ز) menjadi zal.

Begitu juga berlaku kepada 2 orang saudara baru berbangsa India, menyebut huruf ḍa:d (ض) menjadi zot dan huruf ji:m (ج) menjadi jin. Selain itu, terdapat seorang saudara baru daripada lain-lain bangsa menyebut huruf qa:f (ق) menjadi gof. Jumlah keseluruhan ialah 8 daripada 25 orang saudara baru menyebut huruf dengan pelbagai sebutan.

4- Mencampurkan sebutan tebal dengan sebutan nipis.

Terdapat responden yang tidak dapat membezakan antara sebutan huruf tebal dan sebutan huruf nipis. Responden kurang peka terhadap sifat-sifat huruf dan lokasi tempat keluar huruf.

Contoh perkataan Bismillah (بِسْمِ اللَّهِ) disebut menjadi Bismilloh (بِسْمِ اللّٰه) dengan ditebalkan sebutan huruf la:m (ل) pada kalimah Allah (الله). Responden yang menyebut huruf la:m (ل) dengan sebutan yang tebal pada kalimah Allah (الله) ialah terdiri daripada seorang berbangsa Kemboja dan 2 orang daripada lain-lain bangsa. Jumlah keseluruhan ialah 3 daripada 25 orang.

5- Tidak tahu menyebut sebutan yang betul.

Terdapat segelintir pelajar tidak tahu sebutan huruf al-Qur'an al-Karim yang betul. Mereka menyebut berdasarkan pendengaran semata-mata tanpa melihat kepada makhraj dan sifat huruf. Apabila diuji didapati 2 orang saudara baru berbangsa Cina yang tidak tahu membezakan sebutan yang betul.

Contoh huruf ji:m (ج) disebut jin, dan huruf si:n (س) disebut sim kerana tidak tahu sebutan yang betul. Jelas di sini membuktikan sifat-sifat huruf dan kedudukan makhraj huruf adalah merupakan aspek yang perlu diberi keutamaan semasa mengajar al-Qur'an al-Karim.

Hal demikian sekurang-kurangnya dapat memberi tahu keadaan huruf yang sebenar adalah tidak seperti sangkaan mereka. Dari sini mereka cuba menyebut huruf al-Qur'an al-Karim dengan betul walaupun akhirnya apa yang disebut tidak menepati sebutan huruf yang betul.

6- Tersalah sebut.

Tidak dapat dinafikan, ada antara pelajar yang tersalah sebut ketika menyebut huruf al-Qur'an al-Karim. Keadaan ini sering berlaku dalam kalangan masyarakat Melayu, lebih-lebih lagi mereka yang baru belajar mengenal huruf al-Qur'an al-Karim khususnya saudara baru.

Contohnya perkataan (شَعْلَ) yang mengandungi huruf ghayn (غ) di tengah kata disebut menjadi (شَخْلَ) dengan bunyi huruf kha:' (خ). Responden beranggapan bahawa titik satu di atas pada huruf ghayn (غ) yang berada ditengah kata (شَعْلَ) dianggap sama dengan huruf kha:' (خ) dan bunyi huruf ghayn (غ) apabila berbaris fathah hampir seperti bunyi kha:' (خ).

Golongan yang berada dalam kumpulan tersalah sebut ini ialah terdiri daripada 3 orang berbangsa Cina, seorang berbangsa Kemboja dan 2 orang daripada lain-

lain bangsa. Ini kerana kedua-dua huruf tersebut adalah daripada lokasi yang sama tetapi berlawanan pada sifat di mana huruf kha:’ (خ) adalah bersifat mahmus manakala huruf ghayn (غ) pula bersifat majhur.

7- Sukar hendak menyebut huruf.

Terdapat juga segelintir responden yang sukar hendak menyebut huruf. Mereka ini terdiri daripada berbangsa Cina, berbangsa India, berbangsa Kemboja dan lain-lain bangsa.

Contoh huruf qa:f (ق), seorang saudara baru menyebut dengan bunyi qhau. Responden berasa sukar untuk menyebut huruf qa:f (ق) kerana ia berada di lokasi pangkal lidah dan bersifat majhur. Sementara huruf wa:w (و) juga berada di lokasi yang sama iaitu pangkal lidah. Oleh itu, terdapat sedikit kesukaran untuk menyebutnya sehingga responden menggabungkan kedua-dua huruf iaitu huruf qa:f (ق) dan huruf wa:w (و), maka terhasillah bunyi qhau.

8- Tidak boleh menyebut huruf.

Apabila dijalankan ujian kepada semua bangsa, didapati terdapat 5 orang saudara baru daripada pelbagai bangsa yang tidak dapat menyebut langsung huruf-huruf al-Qur’an al-Karim. Huruf-huruf yang dimaksudkan ialah huruf halqi iaitu ح خ ع غ .

9- Sistem penulisan huruf dalam buku Iqra'.

Tidak dapat dinafikan, sistem penulisan juga dianggap satu faktor yang mendorong saudara baru berhadapan dengan masalah penyebutan huruf. Ia memberi sedikit keraguan kepada mereka yang baru belajar al-Qur'an al-Karim.

Contoh huruf nu:n (ن) yang bertitik satu di atas dan apabila berada dalam satu kata, ada di antara responden yang beranggapan bahawa huruf itu adalah huruf dha:l (ذ). Hal ini demikian adalah kerana cara penulisan huruf nu:n (ن) ketika bersambung dilihat seolah-olah seperti huruf dha:l (ذ).

Justeru itu, contoh kata (نَصَرَ) disebut (ذَصَرَ) kerana titik huruf nu:n (ن) ketika tunggal berada ditengah dan apabila berada dalam satu kata, maka titiknya berada di atas seperti huruf dha:l (ذ). Saudara baru menghadapi sedikit kekeliruan hasil daripada teknik penulisan kerana mereka baru belajar huruf al-Qur'an al-Karim. Bahkan dalam kalangan masyarakat Melayu sendiri turut mengalami masalah yang sama ketika berhadapan dengan buku Iqra' memandangkan ada di antara mereka kurang arif dalam pelajaran Jawi.

Mereka tidak tahu huruf mana yang boleh bersambung dan huruf mana yang tidak boleh bersambung. Namun begitu, jika mereka mahir masalah ini tidak akan timbul kerana ia bukanlah satu masalah besar dalam bab ini tetapi hanya berlaku kekeliruan sahaja. Inilah di antara faktor kesilapan sebutan huruf yang juga berpunca dari teknik penulisan sehingga menyebabkan berlakunya fenomena tersalah sebut, sukar hendak sebut dan sebagainya.

Walaupun tulisan itu sebenarnya adalah menepati sistem penulisan Jawi terkini seperti yang tertulis dalam buku Iqra', namun saudara baru menghadapi sedikit kekeliruan dalam pembacaan al-Qur'an al-Karim. Walau bagaimana pun, penulis berpendapat saudara baru akan peka dan tidak menghadapi masalah sekiranya mereka mempunyai pengecaman yang kuat terhadap huruf-huruf al-Qur'an al-Karim dan mengetahui sistem penulisan Jawi yang sebenar kerana pelajaran Jawi dan al-Qur'an al-Karim saling berkait antara satu sama lain.

c) Pendekatan P&P Yang Diguna Pakai Serta Keberkesanannya

Pendekatan dalam pengajaran bahasa ialah satu kumpulan andaian yang saling berkaitan mengenai hakikat bahasa, pengajaran bahasa dan pembelajaran bahasa (Kamarudin Hj. Husin, 1988 : 75).

Bahagian ini menyatakan mengenai sistem atau kaedah yang diguna pakai dalam pengajaran al-Qur'an al-Karim khususnya di PERKIM. Kebanyakan guru menggunakan kaedah yang senang dan cepat supaya tercapai objektif pengajaran. Kaedah yang dimaksudkan di sini ialah menggunakan kaedah Iqra' sebagai sukatan pelajaran mereka. Pun begitu ada juga di antara guru yang menggunakan kaedah langsung (*musyafahat*) yang mana banyak dipraktikkan oleh guru pondok atau lebih dikenali lagi dengan kaedah tradisional iaitu "*guru baca murid ikut*". Kaedah ini sangat terkenal di sekolah pondok.

Kajian mendapati kaedah lain iaitu "*kaedah baghdadiyyat*" juga digunakan jika kaedah yang ditetapkan tidak mencapai matlamat. Namun hasilnya kurang memuaskan

berbanding kaedah Iqra' kerana “ *kaedah baghdadiyyat* ” memerlukan kepada pengejaan huruf dalam menyebut huruf-huruf al-Qur'an al-Karim. Apa yang hendak penulis katakan bahawa kaedah Iqra' memberi banyak kesan positif jika guru yang mengajar betul-betul mahir dalam pengkhususan itu.

Jika guru tersebut mahir dalam pelbagai bahasa, ia merupakan nilai tambah dan akan memudahkan pengajaran dan pelajar tidak banyak berdepan dengan masalah. Jelas di sini, kaedah Iqra' mencapai tahap yang memuaskan sepertimana yang dikehendaki, manakala kaedah langsung (*musyafahahat*) digunapakai sebagai alternatif kedua dan kaedah sendiri (mendengar dan melihat apa yang ditulis atau ditunjukkan) merupakan langkah ketiga pengajaran.

Hasil dapatan kajian mendapati semakin luas dan semakin lama pendedahan pelajar terhadap BBM dalam bidang fonetik, maka menjadi semakin baik prestasi mereka dalam mencapai kecemerlangan sebutan huruf al-Qur'an al-Karim.

Selain itu juga, masa belajar mereka terlalu singkat, guru mengajar terlalu cepat, sukatan pelajaran yang tidak lengkap dan guru tidak membaca mengikut hukum-hukum tajwid ketika mengajar al-Qur'an al-Karim.


Pihak berwajib disarankan supaya menyelaraskan sukatan pelajaran yang di ajar oleh guru di kelas-kelas PERKIM seluruh Malaysia. Perlu dikukuhkan aspek-aspek kemahiran tilawah seragam di semua institut PERKIM dengan mengkhususkan guru-guru di dalam pengkhususan tersebut mahir mengendalikan pelajaran dengan baik sekaligus memartabatkan institusi PERKIM seluruh Malaysia.

Hasil daripada pemantauan yang telah dijalankan di PERKIM Terengganu, Kuala Lumpur dan Pulau Pinang, penulis mendapati terdapat perbezaan P&P semasa mereka mengajar al-Qur'an al-Karim. Bahkan di Pulau Pinang sendiri kelas pengajian al-Qur'an al-Karim di Seberang Perai dan sebelah Pulau berbeza pengajaran dan pembelajaran. Fenomena ini perlu ditangani bagi mencapai kejayaan dalam pelajaran al-Qur'an al-Karim seterusnya memahirkan mereka tentang aspek-aspek yang berkaitan dengan al-Qur'an al-Karim.

d) Faktor Dorongan Ibu Bapa Dan Pendapatan Keluarga Serta Pengaruhnya

Analisis data dalam bahagian ini akan menjawab soalan kajian (d). Soalan kajian tersebut ialah adakah terdapat pengaruh latar belakang pendidikan dan pendapatan ibu bapa terhadap penyebutan huruf al-Qur'an al-Karim. Bagi menjawab persoalan tersebut satu analisis telah dibuat seperti dalam rajah 4.1.

Faktor diri dan pengaruh keluarga juga kerjaya dalam bidang profesional adalah satu elemen penting yang perlu digarap bagi mencapai tujuan sebenar dalam penyebutan huruf al-Qur'an al-Karim khususnya pembelajaran dan pengajaran. Kesemua ini dapat dilihat dalam rajah 4.1.



Rajah 4.1 : Taburan Perbandingan Min Pencapaian Antara Jenis Atau Bangsa

Minat pelajar terhadap al-Qur'an al-Karim memberi sumbangan positif terhadap pencapaian kemahiran tilawah. Ini tentulah satu perkara yang natural kerana minat akan mendorong seseorang untuk mendapatkan apa yang dikehendaki walaupun terpaksa menghadapi pelbagai masalah. Pujangga Arab ada mengatakan “ مَنْ جَدَّ وَجَدَّ ” bermaksud siapa yang bersungguh-sungguh akan mendapat. Minat juga akan membuat mereka memberi lebih tumpuan semasa di kelas dan ketika mengulang kaji pelajaran di rumah.


Disiplin pelajar yang patuh pada arahan guru, jadual dan ketepatan masa juga memberi input yang besar sebagai sumbangan positif terhadap keupayaan mereka dalam penyebutan huruf dan bacaan al-Qur'an al-Karim.

Pengetahuan sedia ada merupakan penguasaan terhadap keilmuan Islam melalui al-Qur'an al-Karim juga dapat mempertingkatkan lagi mutu kefasihan

sebutan dan bacaan al-Qur'an al-Karim melalui kelas-kelas khas yang mereka ikuti selepas pengajian di kelas-kelas PERKIM. Ini sebagai bonus untuk kemajuan diri masing-masing.

Taraf sosio ekonomi keluarga juga menyumbang secara signifikan terhadap pencapaian penguasaan kemahiran sebutan. Ini disebabkan kemungkinan besar keluarga yang berlatar belakang berpendidikan dan mempunyai pendapatan yang kukuh dan stabil dapat menjana kemajuan seperti menyediakan Bahan Bantuan Mengajar (BBM) yang sesuai seperti CD al-Qur'an al-Karim, video, kaset dan sebagainya untuk membantu mereka.

Teman karib juga mempengaruhi kejayaan kerana rakan yang baik akan sentiasa mendorong usaha ke arah kecemerlangan yang unggul.



Rajah 4.2 : Taburan Peratusan Faktor Yang Mempengaruhi Responden Dalam Mempelajari al-Qur'an al-Karim

Analisis data pada rajah 4.2 jelas menunjukkan ibu bapa memainkan peranan penting dalam mencapai kejayaan seperti selalu memberi respon kepada anak-anak mereka untuk mempelajari al-Qur'an al-Karim. Pun begitu timbul persoalan mengapa masih ramai dalam kalangan anak-anak masih lemah membaca al-Qur'an al-Karim? Adakah di sana faktor-faktor lain yang menyebabkan kelemahan tersebut? Sebagai jawapan lihat jadual-jadual lain dalam maklumat sampel:

e) **Faktor Latar Belakang Pendidikan al-Qur'an al-Karim Dan Kebolehan Membaca Jawi**

Biarpun kita tahu mereka baru memeluk Islam namun ada sesetengah mereka pernah belajar Jawi sama ada dari institusi pengajian secara formal dan tidak formal. Bahkan ada yang datang dari ahli keluarga yang telah memeluk Islam lebih awal dari mereka. Secara sedar atau tidak, pelajaran Jawi boleh menyumbang ke arah pembelajaran yang lebih positif.

Sebagai contoh ada di antara responden yang mempunyai saudara mara yang lebih dahulu memeluk Islam dan telah belajar al-Qur'an al-Karim dan pelajaran Jawi semasa di PERKIM. Dengan berbekalkan pengalaman yang ada, saudara baru yang baru memeluk Islam telah mempunyai sedikit sebanyak pengalaman tentang pengajian al-Qur'an al-Karim dan pelajaran Jawi hasil perkongsian hidup dan pergaulan dengan mereka.

Oleh itu, golongan ini kurang berdepan dengan masalah penyebutan huruf sebaliknya pengetahuan sedia ada membantu mereka dalam kelas pengajian al-Qur'an

al-Karim yang sedang diikuti sekarang. Secara tidak langsung jelas menunjukkan pengajian al-Qur'an al-Karim, bahasa Arab dan pelajaran Jawi merupakan aset yang tidak boleh dipisahkan. Bahkan ianya saling berkait antara satu sama lain sekaligus membantu ke arah lebih mudah untuk belajar pengajian al-Qur'an al-Karim.

4.2 Analisis Temu Bual

Melalui sesi temu bual yang telah dijalankan ke atas beberapa sampel yang terdiri daripada pelbagai bangsa mendapati masalah adalah berpunca daripada beberapa aspek seperti kurang daya ingatan terhadap sesuatu huruf. Contoh huruf ghayn (غ) disebut kha:' (خ) seperti yang dinyatakan sebelum ini. Mereka merasakan seolah-olah huruf kha:' (خ) kerana huruf kha:' (خ) juga mempunyai titik satu di atas. Selain itu, saudara baru keliru dengan bentuk huruf yang sama tetapi berbeza titik seperti huruf ط ظ - ص ض - خ ح .

Hasil temu bual bersama beberapa orang sampel, terdapat 4 orang saudara baru berbangsa Cina, seorang berbangsa India, seorang berbangsa Kemboja dan 4 orang daripada lain-lain bangsa yang sukar menyebut huruf-huruf halqi (ح خ ع غ) dan huruf itba:q (ق ط). Pemilihan sampel hanya dilakukan secara rawak memandangkan kehadiran pelajar kurang memuaskan pada hari tersebut dan sesi ujian tahap 1, 2 dan 3 akan di adakan semula untuk semua pelajar.

4.3 Analisis Pemerhatian dan Pemantauan

Sepanjang pengkajian dibuat, penulis telah membuat pemerhatian dan pemantauan dengan sampel sebelum dan sesudah aktiviti pembelajaran al-Qur'an al-Karim dijalankan.

Dalam aspek bacaan al-Qur'an al-Karim, penulis memfokuskan kepada penyebutan huruf-huruf al-Qur'an al-Karim. Hasil pemerhatian mendapati 2 orang saudara baru berbangsa Cina, seorang berbangsa India, seorang berbangsa Kemboja dan 4 orang daripada lain-lain bangsa tidak dapat menyebut huruf dengan tepat. Manakala berkenaan hukum-hukum tajwid pula, hasil pemantauan mendapati masih ramai yang tidak dapat menyebut dan mengingati hukum-hukum tajwid.

Saudara baru yang tidak dapat mengingati hukum tajwid (idgham ma'al ghunnah) ialah seramai 19 daripada 25 orang yang terdiri daripada pelbagai bangsa. Lain-lain contoh dapat dilihat pada jadual 4.9 dan 4.10 yang menunjukkan data lebih terperinci.

Justeru, penulis berpendapat sebahagian besar pelajar masih lemah dalam sebutan huruf dan belum mengenali kata yang mengandungi hukum-hukum tajwid. Kesannya pelajar tidak dapat mempraktikkan bacaan secara bertajwid ketika membaca al-Qur'an al-Karim. Ini disebabkan pengajaran terlalu lama tertumpu kepada aspek sebutan huruf tanpa mencari alternatif baru supaya pengajaran dan pembelajaran penyebutan huruf al-Qur'an al-Karim menjadi mudah dan cepat serta berpandukan kaedah yang berkesan dan tepat.

Keadaan ini menunjukkan bahawa penekanan terhadap penyebutan huruf perlu ditekankan sebelum mereka menguasai tajwid. Tenaga pengajar perlu peka terhadap teknik P&P serta perlu mengikut urutan P&P yang betul supaya tidak terabai apa yang sepatutnya didapati oleh pelajar. Ini kerana strategi pengajaran tidak menggunakan kaedah pengajaran yang berkesan walaupun menggunakan sukatan buku Iqra'.

4.4 Analisis Ujian

Di dalam bab analisis ujian, penulis membahagikan kepada tiga kategori ujian iaitu Ujian Tahap 1 berkenaan penyebutan huruf al-Qur'an al-Karim, Ujian Tahap 2 berkenaan mengingat dan menyebut hukum-hukum tajwid dan Ujian Tahap 3 berkenaan fasahah.

Ketiga-tiga ujian tahap di atas, diuji bagi mendapat kesahan data. Analisis ujian tahap 1 hanya diberi tumpuan kepada penyebutan huruf sahaja sama ada huruf hijaiyyah tunggal, huruf hijaiyyah berbaris dan bersambung.

Bagi ujian tahap 2 pula, penulis menguji pelajar dari aspek mengingat dan menyebut hukum-hukum tajwid. Ini dirasakan perlu kerana mereka belajar al-Qur'an al-Karim dan sudah tentu di sana terdapat hubungan antara huruf-huruf al-Qur'an al-Karim dan hukum-hukum tajwid.

Manakala ujian tahap 3 dilakukan adalah untuk mengenal pasti pelajar telah menguasai fasahah atau tidak berdasarkan sebutan dalam surah al-‘Asr (العصر)

dan surah al-Fi:l (الفيل). Segala perincian data boleh dilihat dalam huraian akan datang beserta jadual bagi mengukuhkan lagi data.

Berdasarkan ujian yang telah dijalankan, penulis mendapati kebanyakan mereka tidak memahami kehendak soalan dengan tepat. Mereka membiarkan kosong pada soalan yang dirasakan sukar.

Bukti yang jelas dapat dilihat pada soalan dalam lampiran C di mana data responden dapat menjawab soalan bahagian ujian tahap 1 soalan 2 seperti dalam jadual 4.9 dan 4.10. Jumlah responden sepatutnya 30 orang tetapi 5 orang tidak dapat menjawab soalan dan jumlah dalam jadual hanya 25 orang sampel sahaja. 5 orang dikategorikan sebagai tidak tahu langsung.

Saudara baru menghadapi masalah pembelajaran seperti tidak dapat mengenal panjang pendek bacaan, kata yang mengandungi baris pelbagai (fathah, kasrah, dommah dan lain-lain) dan kesukaran mengingat dan menyebut huruf al-Qur'an al-Karim. Contoh huruf yang sukar disebut mengikut bangsa Cina ialah huruf ḍa:d (ض), huruf ṣa:d (ص) dan huruf qa:f (ق). Manakala bangsa India ialah huruf ra:' (ر), qa:f (ق) dan ḍa:d (ض) dan bangsa Kemboja seperti huruf ḍa:d (ض), huruf ṣa:d (ص) dan lain-lain.

Jadual 4.6 menunjukkan analisis data bagi ujian tahap 1 di bawah tajuk penyebutan huruf al-Qur'an al-Karim.

Jadual 4.6 : Ujian Tahap 1: Penyebutan Huruf al-Qur'an al-Karim

Huruf	Bangsa				Jumlah	Peratus
	Cina	Kemboja	India	Lain-lain		
خ	5	2	2	5	14	56
ح	3	2	2	3	10	40
ذ	0	2	0	3	5	20
ر	0	2	0	2	4	16
ز	0	2	0	5	7	28
ص	4	2	2	5	13	52
ض	4	2	2	5	13	52
ط	2	2	0	3	7	28
ظ	2	2	0	2	6	24
ع	4	2	2	5	13	52
غ	4	2	2	5	13	52
ق	0	2	0	5	7	28

Contoh data yang menunjukkan bilangan responden berbangsa Cina yang tidak dapat menyebut huruf kha:’ (خ) ialah 5 orang, bangsa India 2 orang, bangsa Kemboja 2 orang dan lain-lain bangsa 5 orang. Jumlah keseluruhan ialah 14 daripada 25 orang. Masalah yang dihadapi adalah tidak dapat membezakan huruf terutama huruf yang berdekatan makhraj.

Bagi huruf ha:’ (ح) saudara baru berbangsa Cina yang tidak dapat menyebut ialah 3 orang, bangsa Kemboja ialah 2 orang, bangsa India ialah 2 orang dan lain-lain bangsa ialah 3 orang. Jumlah keseluruhan ialah 10 daripada 25 orang.

Bagi huruf dha:l (ذ) saudara baru berbangsa Kemboja yang tidak dapat menyebut huruf al-Qur'an al-Karim ialah 2 orang dan daripada lain-lain bangsa ialah 3 orang. Jumlah keseluruhan ialah 5 daripada 25 orang.

Manakala bagi huruf ra:' (ر) saudara baru berbangsa Kemboja yang tidak dapat menyebut huruf al-Qur'an al-Karim ialah 2 orang dan daripada lain-lain bangsa ialah 2 orang. Jumlah keseluruhan ialah 4 daripada 25 orang.

Bagi huruf za:y (ز) saudara baru berbangsa Kemboja yang tidak dapat menyebut huruf al-Qur'an al-Karim ialah 2 orang dan daripada lain-lain bangsa ialah 3 orang. Jumlah keseluruhan ialah 5 daripada 25 orang.

Bagi huruf sha:d (ص) saudara baru berbangsa Cina yang tidak dapat menyebut huruf al-Qur'an al-Karim ialah 4 orang, bangsa Kemboja ialah 2 orang, bangsa India ialah 2 orang dan daripada lain-lain bangsa ialah 5 orang. Jumlah keseluruhan ialah 13 daripada 25 orang.

Bagi huruf da:d (ض) saudara baru berbangsa Cina yang tidak dapat menyebut huruf al-Qur'an al-Karim ialah 4 orang, bangsa Kemboja ialah 2 orang, bangsa India ialah 2 orang dan daripada lain-lain bangsa ialah 5 orang. Jumlah keseluruhan ialah 13 daripada 25 orang.

Bagi huruf ta:' (ط) saudara baru berbangsa Cina yang tidak dapat menyebut huruf al-Qur'an al-Karim ialah 2 orang, bangsa Kemboja ialah 2 orang dan daripada lain-lain bangsa ialah 3 orang. Jumlah keseluruhan ialah 7 daripada 25 orang.

Bagi huruf za: (ظ) saudara baru berbangsa Cina yang tidak dapat menyebut huruf al-Qur'an al-Karim ialah 2 orang, bangsa Kemboja ialah 2 orang dan daripada lain-lain bangsa ialah 2 orang. Jumlah keseluruhan ialah 6 daripada 25 orang.

Bagi huruf 'ayn (ع) saudara baru berbangsa Cina yang tidak dapat menyebut huruf al-Qur'an al-Karim ialah 4 orang, bangsa Kemboja ialah 2 orang, bangsa India ialah 2 orang dan daripada lain-lain bangsa ialah 5 orang. Jumlah keseluruhan ialah 13 daripada 25 orang.

Bagi huruf ghayn (غ) saudara baru berbangsa Cina yang tidak dapat menyebut huruf al-Qur'an al-Karim ialah 4 orang, bangsa Kemboja ialah 2 orang, bangsa India ialah 2 orang dan daripada lain-lain bangsa ialah 5 orang. Jumlah keseluruhan ialah 13 daripada 25 orang.

Bagi huruf qa:f (ق) saudara baru berbangsa Kemboja yang tidak dapat menyebut huruf al-Qur'an al-Karim ialah 2 orang dan daripada lain-lain bangsa ialah 5 orang. Jumlah keseluruhan ialah 7 daripada 25 orang.

Manakala data responden dalam penyebutan huruf-huruf al-Qur'an al-Karim berbaris fathah yang tidak dapat disebut dengan betul oleh responden ialah seperti di jadual 4.7.

Jadual 4.7 : Sebutan Huruf Tunggal Berbaris Fathah

Huruf	Bangsa				Jumlah	Peratus
	Cina	Kemboja	India	Lain-lain		
حَ	3	0	2	3	8	32
خَ	5	2	2	5	14	56
رَ	0	0	0	2	2	8
صَ	4	0	0	5	9	36
ضَ	4	0	0	5	9	36
ظَ	2	0	0	2	4	16
عَ	4	2	2	5	13	52
غَ	4	2	2	5	13	52
قَ	2	2	2	5	11	44

Huruf hijaiyyah berbaris fathah pula, terdapat 5 orang responden berbangsa Cina yang tidak dapat menyebut bunyi (حَ), 2 orang berbangsa India, 2 orang berbangsa Kemboja dan lain-lain bangsa ialah 5 orang. Jumlah keseluruhan ialah 14 daripada 25 orang.

Saudara baru berbangsa Cina yang tidak dapat menyebut bunyi (خَ) ialah 5 orang, bangsa Kemboja ialah 2 orang, bangsa India ialah 2 orang dan lain-lain bangsa ialah 5 orang. Jumlah keseluruhan ialah 14 daripada 25 orang.

Mankala bunyi (صَ) pula, saudara baru berbangsa Cina yang tidak dapat menyebut ialah 4 orang dan lain-lain bangsa ialah 5 orang. Jumlah keseluruhan ialah 9 daripada 25 orang.

Terdapat 4 orang saudara baru berbangsa Cina yang tidak dapat menyebut bunyi (ضَ) dan daripada lain-lain bangsa ialah 5 orang. Jumlah keseluruhan ialah 9 daripada 25 orang.

Bunyi (ظَ) pula, saudara baru yang tidak dapat menyebut ialah 2 orang berbangsa dan 2 orang daripada lain-lain bangsa. Jumlah keseluruhan ialah 4 daripada 25 orang.

Bagi bunyi (عَ) saudara baru berbangsa Cina yang tidak dapat menyebut ialah 4 orang, bangsa Kemboja ialah 2 orang, bangsa India ialah 2 orang dan lain-lain bangsa ialah 5 orang. Jumlah keseluruhan ialah 13 daripada 25 orang.

Bagi bunyi (غَ) saudara baru berbangsa Cina yang tidak dapat menyebut ialah 4 orang, bangsa Kemboja ialah 2 orang, bangsa India ialah 2 orang dan lain-lain bangsa ialah 5 orang. Jumlah keseluruhan ialah 13 daripada 25 orang.

Bagi bunyi (قَ) saudara baru berbangsa Cina yang tidak dapat menyebut ialah 2 orang, bangsa Kemboja ialah 2 orang, bangsa India ialah 2 orang dan lain-lain bangsa ialah 5 orang. Jumlah keseluruhan ialah 11 daripada 25 orang.

Masalah yang dihadapi oleh mereka ialah tidak dapat membezakan di antara bunyi huruf berbaris dan tidak berbaris. Contoh huruf şa:d (ص) apabila berbaris fathah berbunyi şa (صَ), manakala huruf ha:ʔ (ح), kha:ʔ (خ), tha (ث) sama ada berbaris atau tidak membawa bunyi yang sama iaitu tiada perubahan. Ini meragukan responden

bahkan ada yang mengelirukan mereka dengan perbezaan bunyi huruf berbaris fathah dan tidak berbaris.

Oleh itu, bagi huruf-huruf yang sama ada berbaris atau tidak berbaris mempunyai bunyi yang sama menjadi lebih mudah kepada sesetengah responden untuk menyebut. Namun tidak semua dapat membezakan bunyi huruf berbaris dengan tidak berbaris sehingga menimbulkan tanda tanya kepada mereka bunyi yang manakah merupakan bunyi yang sebenar. Berikut ialah jadual responden yang boleh menyebut huruf al-Qur'an al-Karim yang pelbagai baris dan bersambung mengikut bangsa adalah seperti ditunjukkan dalam jadual 4.8 di bawah.

Jadual 4.8 : Kemampuan Menyebut Huruf al-Qur'an al-Karim Yang Pelbagai Baris Dan

Bersambung

Ayat	Bangsa				Jumlah	Peratus
	Cina	Kemboja	India	Lain-lain		
بِسْمِ	8	2	1	2	13	52
الضَّالِّينَ	7	2	1	2	12	48
يَوْمِ الدِّينِ	6	0	1	2	9	36
الرَّحْمَنِ	7	0	1	2	10	40
فِي الْعُقَدِ	7	0	1	2	10	40
تَتَّقُونَ	6	0	1	2	9	36
لَعَلَّكُمْ	7	2	1	2	12	48
مَّا كُولُ	7	2	1	2	12	48
نَصْرُ اللَّهِ	6	0	1	2	9	36
دِينِكُمْ	7	2	1	2	12	48

Jadual 4.8 menunjukkan bahawa jumlah responden yang boleh menyebut kata بِسْمِ ialah 8 orang berbangsa Cina, 2 orang berbangsa Kemboja, seorang berbangsa India dan lain-lain bangsa ialah 2 orang. Jumlah keseluruhan pelajar yang dapat menyebut perkataan بِسْمِ ialah 13 daripada 25 orang.

Bagi kata الضَّالِّينَ jumlah responden yang boleh menyebut iaitu 7 orang berbangsa Cina, 2 orang berbangsa Kemboja, seorang berbangsa India dan lain-lain bangsa ialah 2 orang. Jumlah keseluruhan pelajar yang dapat menyebut kata الضَّالِّينَ ialah 12 daripada 25 orang.

Manakala kata يَوْمَ الدِّينِ jumlah responden yang boleh menyebut ialah 6 orang berbangsa Cina, seorang berbangsa India dan 2 orang daripada lain-lain bangsa. Jumlah keseluruhan pelajar yang dapat menyebut kata يَوْمَ الدِّينِ ialah 9 daripada 25 orang.

Bagi kata الرَّحْمَنَ jumlah responden yang boleh menyebut ialah 7 orang berbangsa Cina, seorang berbangsa India dan 2 orang daripada lain-lain bangsa. Jumlah keseluruhan pelajar yang dapat menyebut kata الرَّحْمَنَ ialah 10 daripada 25 orang.

Kata فِي الْعُقَدِ jumlah responden yang boleh menyebut ialah 7 orang berbangsa Cina, seorang berbangsa India dan lain-lain bangsa ialah 2 orang. Jumlah keseluruhan pelajar yang dapat menyebut kata فِي الْعُقَدِ ialah 10 daripada 25 orang.

Kata **تَتَّقُونَ** jumlah responden yang boleh menyebut ialah 6 orang berbangsa Cina, seorang berbangsa India dan lain-lain bangsa ialah 2 orang. Jumlah keseluruhan pelajar yang dapat menyebut kata **تَتَّقُونَ** ialah 9 daripada 25 orang.

Kata **لَعَلَّكُمْ** jumlah responden yang boleh menyebut ialah 7 orang berbangsa Cina, 2 orang berbangsa Kemboja, seorang berbangsa India dan lain-lain bangsa ialah 2 orang. Jumlah keseluruhan pelajar yang dapat menyebut kata **لَعَلَّكُمْ** ialah 12 daripada 25 orang.

Kata **مَأْكُولٌ** jumlah responden yang boleh menyebut ialah 7 orang berbangsa Cina, 2 orang berbangsa Kemboja, seorang berbangsa India dan lain-lain bangsa ialah 2 orang. Jumlah keseluruhan pelajar yang dapat menyebut kata **مَأْكُولٌ** ialah 12 daripada 25 orang.

Kata **نَصْرَ اللَّهِ** jumlah responden yang boleh menyebut ialah 6 orang berbangsa Cina, seorang berbangsa India dan lain-lain bangsa ialah 2 orang. Jumlah keseluruhan pelajar yang dapat menyebut kata **نَصْرَ اللَّهِ** ialah 9 daripada 25 orang.

Kata **دِينِكُمْ** jumlah responden yang boleh menyebut ialah 7 orang berbangsa Cina, 2 orang berbangsa Kemboja, seorang berbangsa India dan lain-lain bangsa ialah 2 orang. Jumlah keseluruhan pelajar yang dapat menyebut kata **دِينِكُمْ** ialah 12 daripada 25 orang.

Terdapat responden yang mengingat hukum tajwid tetapi tidak boleh menyebut hukum tersebut. Mereka tahu itu adalah hukum idgham ma'al ghunnah. Contoh pada

perkataan (عَابِدٌ مَّا) tetapi apabila disuruh menyebut, mereka tidak dapat menyebut dengan betul. Mereka menyebut hukum tersebut seperti hukum izhar dan sebagainya.

Sebahagian yang lain pula dapat menyebut dengan betul dan baik hukum tertentu tetapi tidak dapat membaca dengan baik. Sebagai contoh kata (لِيُؤْتِنَا) mereka menyebut dengan betul hukum iqlab dan apabila disoal tentang hukum iqlab mereka hanya mampu menggelengkan kepala sahaja. Ini juga merupakan masalah yang timbul. Sepatutnya responden dapat mengingat dan menyebut hukum-hukum tajwid barulah setimpal untuk membaca al-Qur'an al-Karim.

Jadual 4.9 : Ujian Tahap 2 : Mengingati Hukum Tajwid

Bilangan	Hukum Tajwid	Ayat	Mengingati Hukum	Peratus	Tidak Mengingati Hukum	Peratus	Jumlah
1	Idgham Ma'al Ghunnah	a	6	24	19	76	25
		b	8	32	17	68	25
2	Idgham Bila Ghunnah	a	8	32	17	68	25
		b	7	28	18	72	25
3	Idgham Mithlain	a	5	20	20	80	25
		b	7	28	18	72	25
4	Izhar Halqi	a	8	32	17	68	25
		b	7	28	18	72	25
5	Izhar Shafawi	a	6	24	19	76	25
		b	7	28	18	72	25
6	Ikhfa' Hakiki	a	6	24	19	76	25
		b	7	28	18	72	25
7	Ikhfa' Shafawi	a	7	28	18	72	25
		b	6	24	19	76	25
8	Iqlab	a	6	24	19	76	25
		b	8	32	17	68	25
9	Mim Bersabdu	a	8	32	17	68	25
		b	8	32	17	68	25
10	Nun Bersabdu	a	8	32	17	68	25
		b	8	32	17	68	25

Jadual 4.9 menunjukkan analisis data bagi ujian tahap 2 yang berkaitan dengan mengingat hukum-hukum tajwid iaitu hukum idgham, izhar, ikhfa', iqlab, mim bersabdu dan nun bersabdu. Terdapat 5 daripada 25 orang responden yang mengingat hukum-hukum tajwid manakala 20 orang lagi tidak mengingat hukum-hukum tajwid tersebut.

Soalan 1 hingga 3 iaitu bahagian idgham ma'al ghunnah, responden yang mengingat hukum tersebut pada ayat (a) ialah 6 orang dan pada ayat (b) ialah 8 orang. Manakala responden yang dapat mengingat bahagian idgham bila ghunnah pada ayat (a) ialah 8 orang dan pada ayat (b) ialah 7 orang. Bahagian idgham mithlain, responden yang dapat mengingat pada ayat (a) ialah 5 orang dan pada ayat (b) ialah 7 orang.

Bagi soalan 4 dan 5 iaitu bahagian hukum izhar, responden yang dapat mengingat hukum izhar halqi pada ayat (a) ialah 8 orang dan pada ayat (b) ialah 7 orang. Manakala responden yang dapat mengingat hukum izhar shafawi pada ayat (a) ialah 6 orang dan pada ayat (b) ialah 7 orang.

Dalam bahagian hukum ikhfa' hakiki, responden yang dapat mengingat pada ayat (a) ialah 6 orang dan pada ayat (b) ialah 7 orang. Manakala bahagian ikhfa' shafawi responden yang dapat mengingat pada ayat (a) ialah 7 orang dan pada ayat (b) ialah 6 orang.

Untuk soalan 8 dalam bahagian hukum iqlab, responden yang dapat mengingat hukum iqlab ialah 6 orang responden pada ayat (a) dan 8 orang responden pada ayat (b).

Bagi hukum nun dan mim bersabdu, kedua-dua ayat (a) dan (b) didapati responden yang dapat mengingat hukum-hukum tajwid tersebut ialah 8 orang responden pada ayat (a) dan 8 orang pada ayat (b).

Jadual 4.10 : Ujian Tahap 2 : Menyebut Hukum Tajwid

Bilangan	Hukum Tajwid	Ayat	Dapat Menyebut	Peratus	Tidak Mampu Menyebut	Peratus	Jumlah
1	Idgham Ma'al Ghunnah	a	6	24	19	76	25
		b	8	32	17	68	25
2	Idgham Bila Ghunnah	a	8	32	17	68	25
		b	7	28	18	72	25
3	Idgham Mithlain	a	5	20	20	80	25
		b	7	28	18	72	25
4	Izhar Halqi	a	8	32	17	68	25
		b	7	28	18	72	25
5	Izhar Shafawi	a	6	24	19	76	25
		b	7	28	18	72	25
6	Ikhfa' Hakiki	a	6	24	19	76	25
		b	7	28	18	72	25
7	Ikhfa' Shafawi	a	7	28	18	72	25
		b	6	24	19	76	25
8	Iqlab	a	6	24	19	76	25
		b	8	32	17	68	25
9	Mim Bersabdu	a	8	32	17	68	25
		b	8	32	17	68	25
10	Nun Bersabdu	a	8	32	17	68	25
		b	8	32	17	68	25

Jika diteliti bahagian berkaitan hukum-hukum tajwid iaitu idgham, izhar, ikhfa', iqlab, mim bersabdu dan nun bersabdu, didapati 5 daripada 25 orang yang boleh menyebut hukum-hukum tersebut dan 20 orang lagi tidak mampu menyebut hukum-hukum tajwid tersebut.

Bahagian soalan 1 hingga 3 iaitu bahagian idgham ma'al ghunnah, responden yang dapat menyebut pada ayat (a) ialah 6 orang dan pada ayat (b) ialah 8 orang. Manakala bahagian idgham bila ghunnah responden yang dapat menyebut pada ayat (a) ialah 8 orang dan pada ayat (b) ialah 7 orang. Bahagian idgham mithlain, responden yang dapat menyebut pada pada ayat (a) ialah 5 orang dan pada ayat (b) ialah 7 orang.

Bagi soalan 4 dan 5 iaitu bahagian hukum izhar, responden yang dapat menyebut hukum izhar halqi pada ayat (a) ialah 8 orang dan pada ayat (b) ialah 7 orang, bahagian izhar shafawi pada ayat (a) ialah 6 orang dan pada ayat (b) ialah 7 orang.

Manakala bahagian hukum ikhfa' hakiki pada ayat (a) ialah 6 orang responden dan pada ayat (b) ialah 7 orang responden dan bahagian ikhfa' shafawi pada ayat (a) ialah 7 orang responden dan pada ayat (b) ialah 6 orang responden.

Soalan 8 di bahagian hukum iqlab, responden yang dapat menyebut hukum iqlab ialah 6 orang pada ayat (a) dan 8 orang pada ayat (b).

Bahagian hukum nun bersabdu pula, 8 orang responden dapat menyebut pada ayat (a) dan 8 orang pada ayat (b). Manakala bahagian hukum mim bersabdu responden yang dapat menyebut pada ayat (a) ialah 8 orang dan pada ayat (b) juga 8 orang.

Jika dilihat kepada bilangan bangsa pula, didapati bangsa Cina mengatasi bangsa-bangsa lain dari sudut dapat menyebut hukum-hukum tajwid dengan jumlah mereka seramai 14 daripada 25 orang. Selain itu, telah dinyatakan lalu bahawa faktor


latar belakang mereka sedikit sebanyak menyumbang pengetahuan dalam pengajian al-Qur'an al-Karim di mana ada dalam kalangan mereka yang telah menganut agama Islam lebih dari 15 tahun dan telah mengikuti pelbagai kelas pengajian al-Qur'an di samping pelajaran Jawi. Hal demikian merupakan satu nilai tambah kepada pembelajaran al-Qur'an al-Karim.

Tidak ketinggalan juga kita lihat bangsa India walaupun berjumlah 2 orang tetapi mereka dapat menyebut hukum-hukum tajwid kerana faktor latar belakang pendidikan. Mereka juga pernah belajar al-Qur'an al-Karim secara tidak formal sebelum mengikuti kelas pengajian al-Qur'an al-Karim di PERKIM.

Jika diamati terdapat bilangan responden pada ayat (a) dan (b) berbeza di setiap bahagian hukum tajwid. Fenomena ini berlaku kerana faktor terlupa, tersalah sebut dan sebagainya. Penulis beranggapan ada kemungkinan berlaku dalam kalangan saudara baru yang menghafal satu contoh ayat sahaja untuk sesuatu hukum. Justeru itu, apabila dikemukakan lebih dari satu contoh soalan bagi sesuatu hukum tajwid, maka saudara baru mengalami kegagalan dalam memberi jawapan. Keadaan ini tidak dapat dinafikan bagi saudara baru yang memeluk Islam.

Perkara ini perlu ditangani supaya tidak timbul masalah yang berterusan. Jadual 4.10 jelas menunjukkan peratusan sampel yang dapat menyebut hukum-hukum tajwid adalah sama seperti peratusan sampel yang mengingati hukum-hukum tajwid dalam jadual 4.9 Rasionalnya ialah apabila seseorang individu mengingati hukum-hukum tajwid sudah tentu di sana dia dapat membaca atau menyebutnya hasil daripada pengetahuan yang ada.

Analisis data bagi ujian tahap 3 bahagian fasahah adalah berdasarkan skala fasahah berikut:



Jadual 4.11 : Ujian Tahap 3 : Fasahah surah al-‘Asr

Skala	Ayat	Bangsa				Jumlah	Peratus
		Cina	India	Kemboja	Siam		
4	1	4	1	0	2	7	28
	2	4	1	0	2	7	28
	3	4	1	0	2	7	28
3	1	1	0	1	0	2	8
	2	1	0	1	0	2	8
	3	1	0	1	0	2	8
2	1	2	0	1	1	4	16
	2	2	0	1	1	4	16
	3	2	0	1	1	4	16

Jika dilihat pada data dalam jadual 4.11 menunjukkan responden hanya dapat menguasai bahagian fasahah hanya pada skala 4 sahaja. Hal ini demikian menunjukkan ada dalam kalangan responden yang tidak mengingati sesetengah huruf seperti yang

telah dinyatakan lalu disebabkan oleh terlupa, tersalah sebut, tidak dapat menyebut dan sebagainya.

Responden yang berada pada skala 4 (sederhana fasih) ialah 7 orang sahaja. Mereka itu ialah 4 orang berbangsa Cina, seorang berbangsa India dan 2 orang berbangsa Siam. Kesemua responden tersebut dapat membaca dengan sederhana fasih ketiga-tiga ayat pada surah al-‘Asr (العَصْر).

Manakala responden yang berada pada skala 3 (kurang fasih) ialah 2 orang sahaja. Seorang berbangsa Cina dan seorang lagi berbangsa Kemboja. Hanya 2 orang sahaja kurang fasih membaca ketiga-tiga ayat pada surah al-‘Asr (العَصْر). Jika diteliti pada hasil dapatan kajian mereka ini terdiri daripada kumpulan yang tidak dapat mengingati hukum tajwid. Mereka hanya dapat membaca mengikut rentak dan irama sendiri di mana tempat yang sepatutnya dibaca panjang dibaca pendek dan begitu sebaliknya berlaku.

Data fasahah pada skala 2 (tidak fasih) seramai 4 orang sahaja ialah 2 orang berbangsa Cina, seorang berbangsa Kemboja dan seorang berbangsa Siam. Kumpulan ini hanya dapat membaca dengan bacaan tidak betul pada hukum tajwid terutamanya panjang pendek bacaan. Selain itu, sebutan huruf juga tidak jelas dan tidak menepati makhraj.

Data keseluruhan responden yang berada pada skala 4 bagi surah al-‘Asr (العَصْر) ialah 28 peratus. Responden yang berada pada skala 3 ialah 8 peratus dan responden yang berada pada skala 2 ialah 16 peratus.

Jadual 4.12 : Ujian Tahap 3 : Fasahah surah al-Fi:l

Skala	Ayat	Bangsa				Jumlah	Peratus
		Cina	India	Kemboja	Siam		
4	1	4	1	0	2	7	28
	2	4	1	0	2	7	28
	3	4	1	0	2	7	28
	4	4	1	0	2	7	28
	5	4	1	0	2	7	28
3	1	1	0	1	0	2	8
	2	1	0	1	0	2	8
	3	1	0	1	0	2	8
	4	1	0	1	0	2	8
	5	1	0	1	0	2	8
2	1	2	0	1	1	4	16
	2	2	0	1	1	4	16
	3	2	0	1	1	4	16
	4	2	0	1	1	4	16
	5	2	0	1	1	4	16

Jadual 4.12 menunjukkan responden yang dapat membaca surah al-Fi:l ayat 1 hingga 4 pada skala 4 (sederhana fasih) ialah 4 orang berbangsa Cina, seorang berbangsa India dan 2 orang berbangsa Kemboja. Jumlah keseluruhan ialah 7 daripada 25 orang.

Data responden yang berada pada skala 3 (kurang fasih) ialah seorang berbangsa Cina dan seorang berbangsa Kemboja. Manakala bangsa Siam dan bangsa India tidak ada. Jumlah keseluruhan ialah 2 daripada 25 orang yang dapat membaca ayat 1 hingga 5 surah ini dengan bacaan yang kurang fasih.

Data pada skala 2 (tidak fasih) pada ayat 1 hingga 5 bagi surah al-Fi:l ialah 2 orang berbangsa Cina, seorang berbangsa Kemboja dan seorang berbangsa Siam. Jumlah keseluruhan ialah 4 orang sahaja yang dapat membaca dengan tidak fasih surah ini. Data keseluruhan mendapati bangsa Cina mengatasi bangsa-bangsa lain dalam bahagian fasahah.

Kesimpulan yang dapat dibuat hasil daripada pembacaan surah al-‘Asr dan surah al-Fi:l mendapati jumlah keseluruhan responden yang dapat membaca ayat-ayat dari surah al-‘Asr ayat 1 hingga 3 dan ayat-ayat dari surah al-Fi:l ayat 1 hingga 5 adalah sama. Seramai 13 orang responden seperti dalam jadual 4.13. Mereka ini boleh membaca al-Qur’an al-Karim walaupun tidak fasih.

Jadual 4.13 : Responden Yang Dapat Membaca Surah al-‘Asr dan al-Fi:l.

Surah	Bangsa				Jumlah	Peratus
	Cina	India	Kemboja	Lain-lain		
al-‘Asr	7	1	2	3	13	52
al-Fi:l	7	1	2	3	13	52

Walaupun mereka dapat membaca al-Qur'an al-Karim, namun kedudukan skala fasahah antara mereka tidak sama. Seperti yang dinyatakan lalu ada yang berada pada skala 2 (tidak fasih), ada yang berada pada skala 3 (kurang fasih) dan ada yang berada pada skala 4 (sederhana fasih).

Data fasahah yang ditunjukkan dalam jadual 4.13 daripada surah al-'Asr ialah 52 peratus dan daripada surah al-Fi:l ialah 52 peratus daripada 25 orang. 5 orang pelajar tidak dapat menjawab soalan yang diberikan. Jika dilihat kedua-dua surah mempunyai peratus yang sama.

Ini kerana pelajar yang sama juga dapat menyebut huruf, pelajar yang sama juga dapat membaca dan mengingati hukum-hukum tajwid serta dapat menyebut hukum tersebut. Apa yang jelas ialah skala fasahah mereka berlainan walaupun kita dapati 52 peratus dapat membaca kedua-dua surah.

4.5 Kesimpulan

Kesimpulan yang dapat dinyatakan di sini ialah tentang permasalahan yang dihadapi oleh pelajar seperti tersalah sebut, tidak mampu menyebut huruf al-Qur'an al-Karim, tidak mengingati hukum tajwid dan lain-lain faktor yang berkaitan. Kesemua permasalahan ini telah diperincikan seperti dalam jadual-jadual lalu berdasarkan hasil dapatan data yang telah dikumpul oleh penulis.

Apa yang perlu dilakukan bagi mengatasi masalah ini ialah dengan membuat penambahbaikan semasa P&P berjalan. Penulis memberi cadangan supaya tenaga pengajar yang mengajar subjek al-Qur'an al-Karim perlu mahir dan mempunyai pengkhususan dalam bidang tersebut. Hal ini demikian akan membantu dan mempercepatkan proses P&P kerana memiliki tenaga pengajar yang mahir dari aspek sifat huruf, makhraj dan perkara-perkara berkaitan.

Secara sedar atau tidak, pelajar akan mendapat sesuatu yang lebih tepat dan padat serta tidak keliru dalam membuat sesuatu keputusan. Keadaan ini akan mengurangkan permasalahan penyebutan huruf, hukum-hukum tajwid dan fasahah dalam kalangan saudara baru.